

BAB 2

SISTEM UNDANG-UNDANG MALAYSIA

2.1 Pengenalan

Undang-undang dan peraturan memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Hampir setiap tindakan manusia melibatkan pengaruh undang-undang dan peraturan. Kenapakah manusia memerlukan undang-undang dan peraturan? Sejarah membuktikan bahawa manusia tidak hidup bersendirian. Fitrah kemanusiaan menyebabkan manusia sentiasa memerlukan kehidupan bermasyarakat supaya pelbagai keperluan hidup mereka dapat diperoleh dengan cara yang lebih mudah apabila wujud semangat bantu-membantu dan saling bekerjasama.

Keperluan manusia kian meningkat dan tidak sekadar berkaitan dengan makanan, pakaian dan perlindungan. Tuntutan hidup manusia kini meliputi pendidikan, rekreasi dan taraf hidup yang lebih baik. Kehidupan bermasyarakat semestinya melibatkan interaksi sosial dan ini semestinya mewujudkan nilai-nilai yang boleh diterima dan yang tidak boleh diterima. Pertikaian antara kepentingan-kepentingan tertentu pula memerlukan penyelesaian. Perkembangan ini telah melahirkan adat dan amalan yang berfungsi untuk mengawal aktiviti masyarakat. Beberapa adat dan amalan ini kemudian diberikan status undang-undang melalui proses tertentu yang diiktiraf oleh sesebuah masyarakat. Undang-

undang bukan sahaja berfungsi untuk memelihara keamanan dalam kehidupan manusia tetapi juga mencerminkan nilai-nilai politik, ekonomi, sosial dan moral masyarakat (Wu Min Aun:1999).

2.2 Takrif Undang-undang

Apakah yang dimaksudkan dengan undang-undang? Soalan begini kelihatan ringkas tetapi pelbagai jawapan boleh diberi berdasarkan kepada siapa soalan tersebut dikemukakan. Misalnya, bagi Karl Marx, undang-undang adalah alat yang digunakan oleh golongan kaya (*capitalists*) untuk menguasai dan menindas golongan pekerja (*proletariats*) yang lemah. Di kalangan pengamal undang-undang juga tidak terdapat takrif seragam yang dipersetujui. Walau bagaimanapun, kebanyakan pendapat bersetuju bahawa undang-undang adalah alat yang diperlukan untuk mengawal dan melindungi kepentingan bersama masyarakat.

Pakar undang-undang dan ahli falsafah telah cuba menjawab persoalan tentang takrif undang-undang dengan mengemukakan pelbagai teori. Undang-undang Inggeris yang banyak mempengaruhi undang-undang di Malaysia dipengaruhi oleh 3 teori utama iaitu teori undang-undang semulajadi, teori positivis dan teori undang-undang sebagai satu sistem peraturan.

Teori undang-undang semulajadi atau *natural law* disokong oleh pakar undang-undang dan ahli falsafah Kristian seperti St. Thomas Aquinas. Undang-undang semulajadi dianggap sebagai ciptaan Tuhan manakala prinsip moral, rasa hati (*conscience*), dan

keadilan adalah pertimbangan-pertimbangan penting dalam undang-undang itu sendiri. Misalnya sesuatu yang membawa keadilan adalah undang-undang dan yang tidak adil bukan merupakan undang-undang. Begitu juga, perbuatan mencuri adalah salah kerana tidak adil jika seseorang itu dihalang daripada menggunakan hartanya yang dicuri itu.

Golongan positivis menggunakan pendekatan yang berbeza daripada golongan yang menyokong teori undang-undang semulajadi. Mereka menganggap undang-undang adalah perintah daripada pemerintah yang berdaulat, yang boleh dikuatkuasakan dengan mengenakan hukuman. Tidak seperti ahli teori undang-undang semulajadi, bagi golongan positivis, tidak relevan sama ada sesuatu undang-undang itu adil atau tidak. Walaupun undang-undang itu diwujudkan oleh pemerintah yang berdaulat, sama ada seorang diktator atau Parlimen, ia adalah undang-undang dan wajib dipatuhi.

John Austin merupakan salah seorang penyokong utama teori ini pada abad yang ke-19 semasa beliau bertugas di Universiti London. Dalam bukunya *The Province of Jurisprudence Determined*, John Austin(1832) mentakrifkan undang-undang sebagai, “*a command set by a superior being (the State) and enforced by sanctions (punishments)*”.

Teori ketiga menjelaskan undang-undang sebagai satu sistem peraturan yang direka untuk memastikan masyarakat dapat hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. Undang-undang meliputi hak, tugas, dan tanggungjawab anggota masyarakat. Kegagalan mematuhiannya akan menyebabkan mereka dihukum.

John Salmond(1920) dalam bukunya *Jurisprudence* memberikan takrif undang-undang sebagai “*the body of principles recognised and applied by the State in the administration of justice*”.

Kamus Dewan memberi makna undang-undang sebagai sesuatu peraturan atau keseluruhan peraturan yang digubal (dibuat) oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat yang berkenaan.

Kamal Halili Hassan (1990) mentakrifkan undang-undang sebagai:

“...peraturan atau kaedah yang dibuat oleh sesuatu badan perundangan yang dikenakan ke atas rakyat negara berkenaan atau sekumpulan orang dan dikuatkuasakan melalui badan penguatkuasaan tertentu, dan keengganan mematuhi undang-undang berkenaan akan membawa kepada hukuman”.

Takrif-takrif yang tersebut menunjukkan kuasa kerajaan dalam mewujudkan undang-undang, melaksanakan pemakaianya terhadap rakyat dan seterusnya menguatkuasakan undang-undang yang ada demi untuk memastikan rakyat dapat hidup bermasyarakat dalam suasana aman.

2.3 Tujuan Penggubalan Undang-undang dan Kewajarannya

Pelaksanaan undang-undang bertujuan untuk mencapai keadilan, keharmonian dan ketenteraman dalam kehidupan masyarakat. Walau apa juga undang-undang yang diamalkan di sesebuah negara, matlamatnya ialah untuk mewujudkan keadilan. Walau

bagaimanapun, dalam keadaan tertentu akan ada pihak-pihak yang merasakan bahawa peruntukan-peruntukan tertentu sebenarnya tidak mencapai matlamat keadilan yang diharapkan. Perbezaan dari segi tafsiran keadilan wujud disebabkan oleh kelainan dalam aspek pegangan hidup, nilai, budaya, dan cara seseorang itu berfikir.

Kamal Halili Hassan (1990) berpendapat bahawa terdapat tiga tujuan utama undang-undang diwujudkan:

- i. untuk memberikan dan mengiktiraf hak kepada seseorang;
- ii. untuk melindungi hak tersebut, dan untuk menjamin ketenteraman dan keharmonian masyarakat;
- iii. untuk menjamin ketenteraman dan keharmonian masyarakat.

2.4 Sejarah Sistem Undang-undang Malaysia.

Sistem undang-undang di sebuah negara dicorakkan oleh sejarahnya. Sistem undang-undang Malaysia dipengaruhi oleh peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam tempoh 600 tahun yang lalu. Tiga tempoh utama telah memberi kesan kepada sistem undang-undang negara pada hari ini. Tempoh pertama ialah permulaan Kesultanan Melaka pada awal abad ke-15, diikuti oleh penyebaran Islam ke Asia Tenggara dan penerapan nilai-nilai Islam dalam budaya, termasuk undang-undang masyarakat rantau tersebut, dan akhirnya dasar peluasan kuasa British yang telah membawa bersamanya konsep kerajaan berperlembagaan Eropah dan prinsip-prinsip *common law* dan ekuiti.

Sebelum sebarang bentuk penjajahan bertapak di negara ini, sebenarnya telah ada satu bentuk undang-undang yang berkuat kuasa. Pentadbiran keadilan telah berjalan pada zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Buku ‘Sejarah Melayu’ mengandungi rakaman pentadbiran keadilan berdasarkan sistem pemerintahan yang wujud pada masa itu. Undang-undang berpusat pada pemerintah yang paling berkuasa iaitu Raja. Istilah-istilah seperti titah, daulat, murka, kurnia dan anugerah dikatakan mempunyai konotasi dan nilai undang-undang (Yusoff Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh:1978).

Pada peringkat akhir kegembilangan empayar Melaka, terdapat dua sumber undang-undang bertulis yang kaya dengan unsur undang-undang Islam dan hukum adat Melayu lama. Kedua-dua undang-undang tersebut ialah Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Pada keseluruhannya, kedua-dua kanun tersebut memperlihatkan pengaruh undang-undang Islam dan Hindu. Pengaruh undang-undang ini juga dapat dilihat dalam Undang-undang Pahang 1956, Undang-undang Kedah (1650 – 1784), Undang-undang Johor 1789 dan Undang-undang 99 Perak 1878 (Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned:1985).

Sarjana moden hari ini bersetuju bahawa Islam mula bertapak dan tersebar di Asia Tenggara antara penghujung abad ke-13 dan permulaan abad ke-14. Beberapa batu nisan bertarikh abad ke-15 telah ditemui di Pasai, Sumatera Utara tetapi penemuan paling penting ialah batu bersurat di Terengganu yang memaparkan teks bahasa Arab di atas permukaannya. Inskripsi ini dipercayai bertarikh pada tahun 1303 atau 1386. Beberapa bukti juga ditemui dalam pengembaraan Ibn Batutta dan Marco Polo yang mencatatkan

bahawa telah wujud masyarakat Islam di Asia Tenggara pada awal abad ke-13 lagi. Apabila pemerintah kerajaan Melaka memeluk agama Islam pada tahun 1414, Melaka telah menjadi pusat penyebaran Islam yang utama di rantau Asia Tenggara. Islam bukan sahaja diterapkan dalam aktiviti sehari-hari masyarakat ketika itu tetapi juga undang-undang negara (M B Hooker: 1984).

Pengaruh undang-undang Inggeris di Malaysia bermula dengan pengenalan undang-undang Inggeris di Negeri-negeri Selat yang terdiri daripada Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. *Royal Charter of Justice 1807* merupakan peruntukan statutori pertama yang diperkenalkan di Tanah Melayu. Piagam ini mewujudkan *The Court of Judicature of Prince of Wales Island* (Pulau Pinang ketika itu) untuk melaksanakan bidang kuasa berkaitan kes-kes sivil, jenayah dan perkara-perkara yang menyentuh hal-ehwal gereja.

Pengenalan undang-undang Inggeris melalui peruntukan statut ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu berlaku masing-masing pada tahun 1937 dan 1951 tetapi tidak bermakna sebelum tarikh ini tiada langsung penerimaan undang-undang Inggeris di Tanah Melayu. Undang-undang Inggeris dibawa masuk secara tidak langsung melalui undang-undang yang digubal berdasarkan model undang-undang British atau satu lagi negara jajahan British iaitu India, dan melalui profesion undang-undang itu sendiri. Antara beberapa statut tersebut termasuklah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Hasutan, Kanun Acara Jenayah dan Kanun Keseksaan.

Hampir semua anggota badan guaman dan kehakiman ketika itu dilatih dan menerima pendidikan dalam bidang undang-undang Inggeris sehingga penggunaan undang-undang ini diberikan keutamaan berbanding undang-undang Islam dan adat yang lebih sesuai dengan rakyat tempatan.

Enakmen Undang-undang Sivil 1937 memberi autoriti statutori untuk memperkenalkan *common law* Inggeris dan prinsip ekuiti ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu menjadi sebahagian daripada Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 dan *Civil Law (Extension) Ordinance 1951* telah memperluas pemakaian peruntukan Enakmen Undang-undang Sivil 1937 kepada negeri-negeri tersebut.

Kedua-dua Enakmen dan Ordinan ini telah digantikan dengan Ordinan Undang-Undang Sivil 1956 yang terpakai kepada semua negeri di bawah Persekutuan Tanah Melayu. Apabila Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963, terdapat keperluan untuk meluaskan pemakaian Ordinan tersebut ke Sabah dan Sarawak. Ordinan ini kemudiannya digantikan oleh Akta Undang-undang Sivil 1956 (Semakan 1972). Akta ini membenarkan hakim mengambil *common law* Inggeris sebagai asas bagi keputusan-keputusannya dengan syarat tidak terdapat peruntukan bertulis bagi aspek undang-undang berkenaan dan peruntukan yang diambil itu hendaklah sesuai dengan keadaan tempatan.

Jelas bahawa penjajahan British telah meninggalkan satu sistem undang-undang Malaysia seperti yang dapat dilihat pada hari ini. Pelbagai undang-undang Inggeris diperkenalkan

dalam hampir setiap cabang undang-undang di negara ini. Kebanyakan statut di Malaysia, termasuk yang berkaitan dengan industri media, ditiru atau dicontohi daripada statut yang terdapat di England atau India menyebabkan terdapat banyak persamaan dari segi prinsip dan konsep dengan peruntukan undang-undang di kedua-dua negara tersebut (Kamal Halili Hassan:1990)

2.5 Klasifikasi Undang-undang Malaysia

Jika kita merujuk pada ‘sumber’ sebagai peraturan yang membentuk undang-undang, kita boleh mengklasifikasikan undang-undang Malaysia kepada:

1. Undang-undang bertulis iaitu undang-undang yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan perlembagaan negeri-negeri, juga dalam kanun atau statut, termasuk undang-undang perwakilan atau subsidiari.
2. Undang-undang tidak bertulis iaitu bahagian undang-undang Malaysia yang tidak digubal oleh badan pembuat undang-undang (Parlimen dan Dewan Undangan Negeri) dan tidak terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan dan perlembagaan negeri-negeri.

Memandangkan Malaysia ialah persekutuan yang mengandungi 13 buah negeri, undang-undang bertulisnya terdiri daripada undang-undang persekutuan dan undang-undang negeri. Undang-undang bertulis Malaysia terdiri daripada:

- i) Perlembagaan Persekutuan, iaitu undang-undang tertinggi negara ini, dan perlembagaan negeri-negeri;

- ii) Undang-undang yang digubal oleh Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, melalui kuasa yang diberikan oleh perlembagaan negeri masing-masing;
- iii) Undang-undang subsidiari atau perwakilan yang dibuat oleh orang perseorangan atau organisasi, melalui kuasa yang diberikan oleh Akta Parlimen atau Enakmen Dewan Undangan Negeri.

Selain sumber-sumber tersebut, undang-undang istimewa yang dikenali sebagai Ordinan boleh dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh darurat yang diisyiharkan selaras dengan peruntukan Perkara 150 Perlumbagaan Persekutuan.

Undang-undang tidak bertulis Malaysia terdiri daripada:

- i) prinsip undang-undang Inggeris yang sesuai dipakai dalam suasana tempatan;
- ii) keputusan mahkamah-mahkamah yang tinggi kedudukannya iaitu Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan;
- iii) keputusan mahkamah-mahkamah yang tidak lagi berfungsi di Malaysia jaitu Mahkamah Agung, Mahkamah Persekutuan yang terdahulu dan Majlis Privy; dan
- iv) adat resam penduduk tempatan yang telah diterima sebagai undang-undang oleh mahkamah.

Undang-undang juga boleh diklasifikasikan kepada undang-undang awam dan undang persendirian, di samping satu lagi klasifikasi iaitu undang-undang jenayah dan undang-undang sivil. Undang-undang awam melibatkan hal-ehwal dan hubungan kerajaan

dengan rakyat manakala undang-undang persendirian melibatkan hak dan kewajipan individu dalam masyarakat. Dalam undang-undang awam, kerajaan adalah pihak yang terlibat secara langsung dalam pertikaian manakala dalam undang-undang persendirian, individu, kumpulan orang, atau organisasi adalah pihak-pihak kepada pertikaian.

Dalam undang-undang jenayah misalnya, pihak yang mendakwa adalah Kerajaan. Tujuan undang-undang jenayah ialah untuk menghukum penjenayah dan menyekat jenayah daripada berlaku. Undang-undang sivil bertujuan untuk memberikan ganti rugi atau pampasan kepada pihak yang mendapat kecederaan, untuk melaksanakan urusniaga dan untuk menguatkuasakan obligasi. Kebanyakan kes mahkamah berkaitan industri media di Malaysia melibatkan aplikasi peruntukan undang-undang sivil.

Contoh undang-undang awam ialah undang-undang perlombagaan, undang-undang pentadbiran, undang-undang jenayah dan undang-undang perhubungan perusahaan. Isu kebebasan bersuara dan menyatakan pendapat yang berkait rapat dengan undang-undang media, tergolong dalam undang-undang perlombagaan. Contoh undang-undang persendirian ialah undang-undang keluarga, perwarisan, amanah, tort dan sebagainya. Undang-undang ini menentukan hak seseorang, kewajipan yang mesti dilaksanakan dan remedii jika berlaku kerugian.

2.6 Sumber Undang-undang Malaysia

Sumber undang-undang Malaysia adalah seperti yang berikut:

i) Perlembagaan Persekutuan

Persidangan Perlembagaan dengan kerajaan British yang diadakan di London pada bulan Januari dan Februari 1956 merupakan langkah awal ke arah mewujudkan perlembagaan negara ini. Keputusan dicapai untuk menubuhkan sebuah negara merdeka dengan kerajaan sendiri, menjelang Ogos 1957. Sebuah Suruhanjaya Perlembagaan yang diketuai oleh Lord Reid telah dilantik untuk mengemukakan cadangan-cadangan berhubung perlembagaan yang sesuai untuk Persekutuan Tanah Melayu. Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dengan sebuah perlembagaan baru. Selain peruntukan-peruntukan baru, perlembagaan ini juga menggabungkan banyak peruntukan daripada perlembagaan India yang telah diubah suai.

Tidak seperti Perlembagaan Amerika Syarikat, Perlembagaan Malaysia adalah sebuah dokumen yang panjang dan terperinci. Setiap negeri pula mempunyai perlembagaannya sendiri. Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi di Malaysia (Tun Mohamed Suffian Hashim: 1990).

Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

“ Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu”.

Perlembagaan Persekutuan telah mengalami perubahan pesat semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Antara struktur asasnya yang masih kekal ke hari ini termasuk peruntukan berkaitan dengan Raja-raja Melayu, Parlimen, badan kehakiman dan sistem persekutuan. Perlembagaan Malaysia adalah perlembagaan bertulis dan mengandungi 183 perkara.

Pindaan perlembagaan berlaku dalam pelbagai bentuk atas cadangan keempat-empat orang Perdana Menteri Malaysia selepas merdeka, demi keperluan keamanan dan pembangunan negara. R.H Hickling (1991) berpendapat bahawa perlembagaan memerlukan pindaan seiring dengan keadaan negara yang turut mengalami perubahan dari semasa ke semasa.

Ciri-ciri asas Perlembagaan Persekutuan adalah seperti yang berikut:

- a) ia mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara Persekutuan
- b) ia mewujudkan sistem Raja Berperlembagaan
- c) ia mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi Persekutuan tetapi menjamin kebebasan beragama
- d) ia mengiktiraf Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi dan kedaulatan undang-undang
- e) ia mewujudkan badan eksekutif
- f) ia mewujudkan kebebasan kehakiman; dan
- g) ia menjamin peruntukan tradisi seperti hak keistimewaan sesuatu kaum, bahasa kebangsaan dan kerakyatan.

ii) Statut

Statut adalah undang-undang yang dikanunkan. Sebahagian besar undang-undang di Malaysia dikanunkan. Statut diluluskan oleh badan pembuat undang-undang Malaysia iaitu Parlimen di peringkat Persekutuan dan Dewan Undangan Negeri di peringkat negeri. Statut berkuat kuasa setelah ia diwartakan atau mengikut tarikh yang dinyatakan dalam statut tersebut.

Statut yang diluluskan oleh Parlimen dikenali sebagai ‘Akta’ dan ‘Enakmen’ jika diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Statut yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah dan Sarawak dikenali sebagai ‘Ordinan’. Statut yang diluluskan di peringkat Persekutuan dari tahun 1946 – 1957 juga dipanggil Ordinan. Selain itu, terdapat juga statut yang dikenali sebagai ‘kanun’. Kanun mengandungi peruntukan undang-undang yang lebih panjang dan terperinci. Misalnya, Kanun Tanah Negara dan Kanun Acara Jenayah.

Statut mengandungi kandungan peruntukan undang-undang yang dibahagikan mengikut seksyen dan bahagian. Kebanyakan statut mengandungi huraian dan contoh yang bertujuan untuk menerangkan peruntukan sesuatu seksyen.

iii) Undang-undang Perwakilan

Undang-undang perwakilan ialah undang-undang yang dibuat oleh sesuatu institusi atau orang perseorangan melalui kuasa yang diwakilkan oleh Parlimen kepadanya. Kuasa ini diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong, Menteri, institusi atau pihak berkuasa yang

berkenaan. Antara jenis undang-undang perwakilan ialah Peraturan, Kaedah, Undang-undang Kecil dan sebagainya. Kuasa membuat undang-undang perwakilan diperuntukkan melalui akta induk (*parent act*) tertentu.

Sebahagian besar institusi kerajaan dan badan berkanun mewujudkan undang-undang perwakilan. Undang-undang ini dibuat sendiri oleh institusi yang diberi kuasa melalui akta induk, dengan mendapatkan nasihat daripada Jabatan Peguam Negara atau Penasihat Undang-undang Negeri. Undang-undang ini tidak perlu diluluskan oleh Parlimen kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh akta induk. Kesahan undang-undang perwakilan boleh dicabar di mahkamah jika institusi yang mewujudkannya didapati tidak diberi kuasa melalui akta induk atau jika peruntukannya jelas bertentangan dengan peruntukan akta induk.

iv) Keputusan Mahkamah

Keputusan Mahkamah juga dikenali sebagai undang-undang tidak bertulis. Keputusan hakim boleh diberikan sama ada secara bertulis atau lisan. Walaupun tidak ada peruntukan undang-undang yang menghendaki supaya keputusan mahkamah dibuat secara bertulis, lazimnya keputusan Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi diberikan secara bertulis dan dilaporkan dalam jurnal undang-undang. Mahkamah tidak membuat undang-undang seperti yang dilaksanakan oleh parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Mahkamah sebenarnya mentafsirkan undang-undang bertulis (statut). Jika peruntukan undang-undang itu jelas, mahkamah mestilah mengikuti peruntukan tersebut, walaupun secara peribadi hakim tidak bersetuju dengannya.

Jika peruntukan undang-undang bertulis itu kabur, hakim akan mentafsirkannya berdasarkan kes-kes yang diputuskan sebelumnya atau memberi tafsiran sehampir mungkin dengan niat badan pembuat undang-undang jika tiada autoriti kes terdahulu.

Hanya keputusan Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan keputusan Mahkamah Tinggi yang tidak ditolak oleh Mahkamah Persekutuan sahaja merupakan sumber undang-undang berautoriti. Mahkamah lazimnya berpegang kepada doktrin ‘duluan’ untuk mencapai satu keputusan yang tetap. Doktrin ini berdasarkan konsep bahawa fakta yang sama dalam kes terdahulu mestilah menghasilkan keputusan yang sama dalam kes baru yang hendak diputuskan. Doktrin ‘duluan mengikat’ pula tertakluk kepada hierarki mahkamah, iaitu keputusan mahkamah yang lebih tinggi mengikat mahkamah yang kedudukannya lebih rendah.

Keputusan hakim Mahkamah Tinggi tidak mengikat hakim Mahkamah Tinggi yang lain walaupun dari segi amalan, seseorang hakim Mahkamah Tinggi akan memberi perhatian kepada keputusan hakim Mahkamah Tinggi yang lain. Persoalan sama ada keputusan Mahkamah Persekutuan mengikat hakim Mahkamah Persekutuan yang lain masih tidak jelas sehingga sekarang.

v) Undang-undang Islam

Undang-undang Islam juga merupakan salah satu sumber utama undang-undang Malaysia tetapi ia hanya terpakai kepada mereka yang beragama Islam, tanpa mengira bangsa. Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia dilaksanakan melalui sistem

Mahkamah Syariah di peringkat negeri dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Undang-undang Islam sampai ke rantau ini bersama-sama dengan agama Islam antara abad ke-13 – 15. Sebelum kedatangan Islam, undang-undang adat yang dipengaruhi oleh unsur Hindu dan animisme diamalkan. Peruntukan undang-undang Islam dan adat Melayu/Hindu bercampur aduk dalam beberapa naskhah undang-undang kerana kemasukan undang-undang Islam tidak dapat mengikis sepenuhnya kepercayaan animisme atau adat Melayu/Hindu yang telah sebatik dalam kehidupan masyarakat Melayu pada zaman itu.

Campurtangan British dalam pemerintahan dan pentadbiran negara menyebabkan undang-undang Islam tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya di negara ini. Akibatnya, undang-undang Islam hanya dilaksanakan dalam undang-undang kekeluargaan sahaja, dengan memasukkan juga beberapa peruntukan undang-undang adat.

Undang-undang Islam terletak dalam bidang kuasa kerajaan negeri, seperti yang diperuntukkan dalam Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Hanya Dewan Undangan Negeri, kecuali Wilayah Persekutuan, yang mempunyai kuasa meluluskan undang-undang Islam. Ini menyebabkan terdapat Enakmen/Akta yang berasingan berkaitan undang-undang keluarga dan pentadbiran Islam bagi setiap negeri di Malaysia walaupun kandungan setiap Enakmen/Akta tersebut sebenarnya tidak terlalu banyak perbezaannya.

Mahkamah Syariah diberi kuasa untuk menghukum mereka yang melanggar peruntukan dalam Enakmen-enakmen negeri ini dan mendengar permohonan tentang hal-hal kekeluargaan orang Islam. Bidang kuasa penghukuman Mahkamah Syariah tidaklah begitu besar pada mulanya tetapi telah ditingkatkan dari semasa ke semasa. Kini, Mahkamah Syariah boleh menjatuhkan hukuman sebat dan penjara. Mahkamah ini hanya mempunyai bidang kuasa ke atas orang Islam sahaja.

vi) Undang-undang Adat

Undang-undang adat adalah undang-undang tertua di Malaysia. Ia diamalkan di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Undang-undang adat berbeza daripada adat resam kerana undang-undang ini mempunyai kuasa dan implikasi undang-undang, juga boleh berakhir dengan perbicaraan di mahkamah adat. Undang-undang ini tergolong dalam kategori undang-undang tidak bertulis dan terakam dalam perbilangan dan pepatah. Ia diucapkan dalam bahasa daerah pengamalnya. Undang-undang adat di Semenanjung Malaysia terdiri daripada adat pepatih dan adat temenggung. Undang-undang adat di Semenanjung Malaysia tidak lagi memainkan peranan penting dalam sistem keadilan kecuali adat pepatih yang masih diamalkan pada hari ini. Kepentingannya telah dibayangi oleh undang-undang awam yang kebanyakannya berdasarkan statut dan *common law*.

Undang-undang adat di Sabah dan Sarawak dilaksanakan secara meluas dan sistematik (M.B Hooker:1980). Sebahagian besar undang-undang ini telah dikumpulkan dan dikanunkan. Ia hanya terpakai kepada anak negeri dan dikuatkuasakan di Mahkamah

Anak Negeri/Bumiputra. Undang-undang adat di negeri-negeri tersebut menyentuh hal ehwal tanah, perwarisan, harta pusaka, perceraian, taraf anak negeri dan sebagainya.

vii) Common Law dan Kaedah Ekuiti

Pada asalnya, *common law* di England adalah adat tempatan di England. Hakim-hakim litar yang dihantar oleh Raja pada mulanya menguatkuasakan adat tempatan dengan bantuan juri. Adat hanya menjadi *common law* (undang-undang) setelah ia diiktiraf dan diputuskan oleh Mahkamah *Common Law*. Keputusan Mahkamah *Common Law* diuji dari semasa ke semasa di pelbagai peringkat mahkamah sebelum kedudukannya sebagai suatu autoriti undang-undang disahkan oleh *House of Lords*.

Ada ketikanya, *common law* tidak dapat memberikan remedii seperti yang dikehendaki atau remedinya tidak mencukupi. Dengan itu, mereka yang merasakan tidak mendapat keadilan di Mahkamah *Common Law* akan mendapatkan remedii melalui kaedah ekuiti daripada *Mahkamah Chancery*. Kaedah ekuiti dianggap sebagai pelengkap kepada kekurangan yang terdapat pada *common law* (Kamal Halili Hassan:1990)

Common Law dan kaedah ekuiti dibawa masuk ke Malaysia melalui penguatkuasaan seksyen 3 dan 5, Akta Undang-undang Sivil 1956. Peruntukannya adalah seperti yang berikut:

- a) Di Malaysia Barat, pemakaian *Common Law* dan kaedah ekuiti adalah seperti yang ditadbirkan di England pada 7 April 1956;

- b) Di Sabah, pemakaian *Common Law*, kaedah ekuiti dan statut pemakaian am adalah seperti yang ditadbirkan di England pada 1 Disember 1951; dan
- c) Di Sarawak, pemakaian *Common Law*, kaedah ekuiti dan statut pemakaian am adalah seperti yang ditadbirkan di England pada 12 Disember 1949.

Walau bagaimanapun, pemakaian *Common Law* dan kaedah ekuiti ini tertakluk kepada 2 syarat iaitu:

- i) tidak ada peruntukan undang-undang bertulis tempatan; dan
- ii) *common law* dan kaedah ekuiti yang hendak dipakai itu mestilah sesuai dengan keadaan tempatan.

2.7 Mahkamah di Malaysia

Sistem mahkamah di Malaysia disusun dalam hierarki berbentuk piramid seperti yang diperlihatkan dalam rajah 2.0. Pentadbiran keadilan berada di bawah kawalan kerajaan persekutuan dan dengan ini Mahkamah Sivil adalah mahkamah persekutuan. Mahkamah-mahkamah negeri adalah Mahkamah Syariah, selain Mahkamah Syariah yang terletak di Wilayah Persekutuan, dan Mahkamah Bumiputra di Sabah dan Sarawak (Wu Min Aun:1999)

Mahkamah Persekutuan adalah mahkamah yang tertinggi di Malaysia. Mahkamah ini dianggotai oleh 11 orang Hakim Mahkamah Persekutuan, yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara. Mahkamah Persekutuan mempunyai bidang kuasa asal dan rayuan seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 121(2), 128 dan 130 Perlembagaan Persekutuan (Faiza Haji Tamby Chik:2001).

Mahkamah Rayuan pula bertindak sebagai mahkamah perantara antara Mahkamah Tinggi dengan Mahkamah Persekutuan. Mahkamah ini dianggotai oleh 10 orang hakim yang diketuai oleh Presiden Mahkamah Rayuan. Seksyen 50 dan 67 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memperuntukkan bidang kuasa jenayah dan sivil kepada Mahkamah Rayuan.

Mahkamah Tinggi ditubuhkan selaras dengan peruntukan Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan. Terdapat dua Mahkamah Tinggi yang selaras bidang kuasa dan tarafnya iaitu Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi bagi negeri Sabah dan Sarawak. Setiap Mahkamah Tinggi diketuai oleh seorang Hakim Besar. Perkara 122 AB Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman yang mempunyai kuasa yang sama dan menikmati imuniti yang sama seperti seorang Hakim Mahkamah Tinggi. Pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman bertujuan untuk menyegerakan urusan Mahkamah Tinggi jika Hakim Mahkamah Tinggi tidak ada untuk menjalankan urusan Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi juga mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rendah dan menjalankan kuasa penyemakan berkenaan prosiding dan perkara jenayah di Mahkamah Rendah.

Mahkamah Sesyen adalah Mahkamah Rendah yang tertinggi sekali. Mahkamah ini diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Sesyen terkanan. Ia mempunyai bidang kuasa jenayah dan sivil. Ini diikuti oleh Mahkamah Majistret. Mahkamah Majistret juga mengendalikan kes-kes jenayah dan sivil. Seksyen 79(1) Akta Mahkamah Rendah 1948 memperuntukkan pelantikan Majistret Kelas 1 dan Majistret Kelas 2. Majistret daripada

mana-mana kelas boleh mengetuai Mahkamah Majistret. Berkaitan dengan isu undang-undang media, kajian ini tidak akan menyentuh Mahkamah Penghulu iaitu Mahkamah paling rendah kedudukannya antara Mahkamah-mahkamah Rendah yang ada. Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa yang terhad kepada kesalahan kecil sahaja.

Satu lagi Mahkamah yang mempunyai kaitan dengan isu undang-undang media ialah Mahkamah Juvana. Mahkamah ini ditubuhkan di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947, yang bertujuan untuk membicarakan pesalah-pesalah di bawah umur 18 tahun. Mahkamah ini dikendalikan oleh Majistret Kelas 1 yang dibantu oleh dua orang penasihat. Mahkamah Juvana mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan semua kesalahan kecuali yang boleh dikenakan hukuman mati.

Mahkamah ini berkuasa mengenakan sekatan ke atas laporan akhbar mengenai prosiding yang dikendalikannya. Misalnya larangan menyiarkan nama, alamat, sekolah pesalah yang terlibat, atau memasukkan apa-apa maklumat atau gambar yang dianggap boleh menyebabkan pesalah dikenal pasti identitinya. Bagi mengelakkan publisiti, perbicaraan Mahkamah Juvana dijalankan secara tertutup. Hanya pihak-pihak yang terbabit dengan perbicaraan, seperti ibu bapa atau penjaga pesalah sahaja dibenarkan hadir.

Berkaitan dengan mahkamah juga, perhatian perlu diberikan kepada peruntukan Perkara 126 Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi untuk menghukum sesiapa yang melakukan apa-apa penghinaan terhadapnya. Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91)(Disemak

1972) yang dipinda pada tahun 1994 (Akta A886) memperuntukkan perkara yang sama seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Rajah 2.0: Hierarki Mahkamah Sivil Malaysia

HIERARKI MAHKAMAH SIVIL

